

NO. SOALAN: 128

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Kelantan.**

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di negeri-negeri, orang Islam perlu bersepakat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah sebagaimana tuntutan Islam. Penelitian perlu dibuat bagi penggubalan peruntukan undang-undang

jenayah Syariah yang lengkap, komprehensif dan seragam antara negeri-negeri.

Dalam masa yang sama Kerajaan-kerajaan negeri perlu memandang serius terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah memerlukan tahap pembuktian yang tinggi dan penuh ketelitian sebelum hukuman itu dijatuhkan. Sebarang keraguan yang berjaya ditimbulkan atau *prima facie* gagal dibuktikan akan menyebabkan hukuman jenayah Syariah itu tidak akan dikenakan terhadap tertuduh.

Sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan telah bersedia untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah dan bercadang membentangkan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian (*Private Member's Bills*) oleh ahli bukan ahli Kerajaan yang mewakili Kerajaan Negeri, bolehlah membentangkannya di Dewan ini.

Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha dengan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Disamping itu, Kerajaan terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5)

peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

Dalam masa yang sama, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa. Ini bagi menjamin pelaksanaan undang-undang tersebut tidak melangkaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang berkenaan.

Sekian, terima kasih.